

22/02/2001

Album Patriot Alaf Baru akan diedar percuma

Akmal Abdullah

MESKIPUN masyarakat disogok dengan limpahan lagu komersial pelbagai tema dalam rentak pop, rock, R & B dan etnik, lagu patriotik terus hidup dan dihasilkan bagi memupuk semangat patriotisme di kalangan masyarakat.

Lagu patriotik tidak harus disempitkan dalam rentak march kerana yang penting ialah maksud liriknya yang mampu mengajak pendengar membina kesedaran terhadap perjuangan membela nusa bangsa, termasuk perpaduan, mengisi kemerdekaan dan mengharumkan nama negara.

Begitulah matlamat penerbitan album Patriot Alaf Baru yang diterbitkan EMP Records dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan.

Agak menarik, demi tanggungjawab untuk menyuntik semangat patriotik, album itu kelak akan diedarkan secara percuma kepada masyarakat, khususnya belia.

Sebahagian rakaman untuk album itu dibuat sempena Perhimpunan Patriotisme Alaf Baru di Stadium Melawati, Shah Alam, Selangor, Ahad lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merasmikan acara itu menyaksikan rakaman persembahannya untuk lagu berjudul Belia Malaysia, Keranamu Malaysia dan Negaraku.

Persembahan kumpulan koir itu dianggotai 2,020 penyanyi yang nyata membawakan cetusan semangat serta rasa cinta kepada negara, diiringi muzik segar berentak pop kontemporari.

Terdahulu, perhimpunan yang mengumpulkan 15,000 belia serta pelajar dari seluruh negara itu adalah yang terbesar anjuran MBM sejak 20 tahun lalu. Upacara gemilang itu turut menempa sejarah kerana ia dicatatkan dalam Malaysia Book of Records.

Pengarah Urusan EMP Records, Ridzuan Zain, berkata sebanyak 15 lagu akan dimuatkan dalam album Patriot Alaf Baru dan dijangka siap menjelang Mei ini.

"Sempena acara perhimpunan ini, turut dirakamkan ialah persembahan penyanyi Lan daripada kumpulan A27 sebagai koordinator kumpulan koir untuk projek album ini serta dibuat rakaman visual untuk video klip.

"Lagu lain ialah lagu rasmi berjudul Patriot Alaf Baru secara koir, selain kumpulan nasyid Wildan menyanyikan lagu Impian Hati, Awim dari kumpulan Stigma untuk lagu Fikirkan Boleh serta Fara Suraya bagi lagu Setia.

Judul lain ialah Saya Anak Malaysia, Barisan Kita, Sejarahtera Malaysia, Bahtera Merdeka dan Perjuangan.

"Separuh daripada lagu untuk projek album ini adalah yang pernah dipopularkan artis terkenal tetapi ia dibuat susunan baru pada muziknya serta tidak lari dengan irama asal. Kita tidak menonjolkan irama march sebab kita selalu menyangka kalau lagu patriot, ia hanya dalam rentak itu sebaliknya lagu dalam album ini lebih easy listening dan sesuai untuk semua majlis.

"Yang penting, tujuan penerbitan album ini ialah untuk menyuntik semangat patriotik terhadap semua anggota masyarakat pelbagai kaum. Sebab itu, album ini dihasilkan bukan bermatlamatkan keuntungan dan ia akan diedarkan secara percuma oleh MBM dan kementerian berkenaan.

"Kami jangkakan album ini dapat disiapkan sebelum Mei ini iaitu menjelang sambutan Hari Belia. EMP Records gembira kerana penerbitan album ini mendapat rangsangan kuat daripada Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Presiden MBM, Saifuddin

Abdullah," kata Redzuan kepada Persada Seni.

Menurutnya, syarikat rakaman itu mengambil sikap berani untuk menghasilkan album patriotik dan diedarkan secara percuma sebagai tanda sokongan untuk membina semangat cintakan negara di kalangan generasi muda.

"Kita harus sedar bahawa semangat patriotik tidak harus dijual beli. Kita sangat berharap akan mendapat sokongan dan bantuan kerajaan, swasta dan individu," katanya.

(END)